

20/06/1999

Jadikan rentetan sejarah penjajahan satu iktibar

HAMPIR sebulan armada Portugis membedil pantai Melaka pada 1511.

Akhirnya Alfonso de Albuquerque berjaya menewaskan Kerajaan Melayu Melaka. Gambaran yang diberikan oleh anaknya sendiri, Portugis memasuki Melaka sebagai 'conquistadores' (penakluk). Pertama sekali sebelum ke istana Sultan Melaka, masjid telah diceroboh. Orang Melayu ditangkap, wanita Melayu dirogol. Melayu dirantai sebagai bangsa yang ditawan. Mereka dijadikan abdi. Akhirnya berdirilah kota Melaka 'La Famosa', atas darah dan keringat orang Melayu. Kini kota itu sebagai lambang bekas peninggalan Portugis.

Sebenarnya itu adalah lambang sempadan antara 'conquistadores' dan bangsa Melayu yang diabadikan.

Dari itu bermulalah sejarah Melayu yang dijajah, bangsa yang tertindas, bangsa yang daif, imej yang rendah, moral yang di bawah paras pengiktirafan. Walaupun Kerajaan Melayu cuba didirikan semula, tetapi semuanya gagal.

Penaklukan Melaka dirayakan oleh gereja Katolik di Vatican dan Pope sendiri menghebahkan kehancuran Muslim di Asia Tenggara. Bangsa Melayu yang sebelum itu bangsa besar kini ditenggelami oleh arus sejarah.

Pada suatu pagi tahun 1840-an juga, tiba-tiba api menjulang tinggi, rumah terbakar di sana sini. Kedengaran pekikan, teriakan kesakitan dan mayat bergelimpangan. Anak-anak kecil lari bertempiaran. Wanita jadi mangsa kebuasan nafsu. Darah mengalir lagi. Kampung yang terletak dan dikelilingi sawah tinggal sepi. Keamanan bukan lagi peraturan di negeri jelapang padi. Mereka lari dalam ketakutan bagi mendapat perlindungan di Pulau Pinang yang menjanjikan perlindungan atas nama kesetiaan (treaty). Tetapi mereka dinyahkan. Akhirnya mereka merempat di tanah air sendiri. Kedah ditakluki Siam.

Sebahagian mereka (dari Kedah) dihantar ke Bangkok untuk dijadikan hamba abdi pembesar-pembesar Siam. Maruah dan survival mereka musnah sama sekali. Pada ketika itu tiada penyelamat dan tiada kuasa yang membela mereka.

Sejarah kehancuran itu tidak berhenti di situ. Pada 1824, Alam Melayu terbahagi dua. Angkara Perjanjian Inggeris-Belanda, pribumi diperkecilkan sehingga kemudiannya negeri sendiri menjadi British Malaya, Kerajaan Brooke, Chartered Company North Borneo dan Dutch East Indies. Segala hak Melayu/Bumiputera menjadi milik Inggeris dan Belanda.

Kemudian pertengahan abad ke-20, Jepun pula menjadi kuasa kolonial. Bangsa Melayu jadi mangsa yang dijajah Jepun pula dan kemudian dijajah semula oleh Inggeris. Walaupun Perang Pasifik tamat kita terus dijajah.

Bayangkan, lebih 400 tahun bangsa Melayu dijajah. Kemudian buat kali pertama Melayu di bawah satu organisasi iaitu Umno, walaupun tanpa kekuatan bicara dan senjata, berjaya meletak kembali maruah dan status bangsa Melayu. Itu semua dapat dilakukan atas semangat juang, tanpa mengira daerah dan negeri, darjat dan umur sama-sama menggembleng tenaga bersatu atas nama 'Hidup Melayu', berjaya menamatkan kolonialisme Inggeris. Pas tidak wujud. Yang wujud hanya Umno atas kepentingan agenda Melayu pada ketika itu.

Pada 31 Ogos 1957 kita Merdeka dan selanjutnya pada 1963 berjaya mewujudkan Malaysia. Umno sesuaikan diri dengan keadaan tanpa prasangka, menubuh pakatan dengan parti-parti bukan Melayu dan berjaya menubuhkan kerajaan pimpinan Perikatan dan kemudian Barisan Nasional.

Persoalannya, apakah imbasan sejarah di atas sekadar menanamkan pelajaran mengenai sejarah di kalangan kita dan generasi muda kita?

Ucapan Dr Mahathir dalam perhimpunan 18 Jun dimulakan dengan sejarah bangsa dan bagaimana kita ditenggelami oleh arus sejarah dan bagaimana kita kembali muncul sebagai satu bangsa yang sedang berkembang maju. Dengan kata lain maksud beliau ialah sejarah itu sebahagian dari diri kita, dan perkembangan negara Malaysia dalam masa yang singkat berjaya mengembalikan maruah atau martabat sebagai bangsa yang boleh dibanggakan. Walaupun Melayu sekian lama dijajah, tetapi dalam masa yang singkat, iaitu 42 tahun saja, segala usaha untuk keluar dari belenggu penjajahan itu berhasil.

Apakah tidak mungkin apa yang telah dicapai akan kembali `dijajah' dan akan musnah sekiranya `invention forces' sejarah yang baru berjaya meresap ke dalam Umno, dan digabungkan tenaga luar Umno dengan kerjasama dari luar Malaysia (kuasa asing)? Beliau menyebut tentang globalisasi dan dunia tanpa sempadan serta pertubuhan-pertubuhan antarabangsa seperti GATT dan WTO yang diperalatkan oleh penjajahan baru (neo-colonialism) pasca Perang Dingin yang berunsurkan dunia unipolar.

Dunia yang bermiripkan kapitalisme dan saingan yang boleh memperkecilkan kita juga turut disebut. Soalnya pada ketika itu di mana Melayu?

Isu politik pilihan raya turut diberi perhatian khusus. Akibat mahu bersaing sesama sendiri kerana politik pilihan raya, Melayu sesama Melayu sanggup memusnahkan sesama sendiri tanpa mengira kemungkinan kita diperalatkan oleh kuasa asing dan mungkin berakhir seperti Republik Pisang (Banana Republic). Pas yang tidak tetap dengan prinsipnya mengenai Islam sanggup menimbulkan berbagai-bagai prasangka terhadap Umno yang memperjuangkan agama, bangsa dan tanahair (atau alif ba ta). Umno adalah organisasi yang sejak awal bersikap tegas dalam memperbaiki taraf orang Melayu dan Bumiputera.

Dalam hal ini Dr Mahathir berkali-kali menyebut Umno sebagai wadah perjuangan Melayu, dan nilai-nilai Islam mendasari terjemahan prinsip Umno ke dalam bentuk program untuk memperbaiki taraf hidup dan melindungi hak Melayu/Bumiputera seperti yang tercatat dalam perlembagaan parti dan negara.

Prasangka Pas terhadap Umno yang bekerjasama dengan bukan Melayu dan Islam sebagai menidakkan prinsip Islam tidaklah berasas. Ini adalah kerana Pas pernah menyertai BN dan kini mereka pula cuba mewujudkan pakatan dengan DAP. Jika Pas yang pernah menuduh Umno sebagai kurang Islam, apakah kedudukan Pas bekerjasama dengan DAP yang bukan Islam tetapi berpegang kepada sosialisme. Pas bukan saja melanggar hukumnya sendiri tetapi hubungannya dengan DAP seperti air dengan minyak. Dan apa yang terserlah Umno sentiasa menitikberatkan masa depan dan Pas yang tidak dapat memandang ke depan mengutuk sikap Umno tetapi akhirnya mereka bukan saja terpaksa mengikut cara Umno, malah sanggup melakukan perkara lain yang bersifat prasangka dan mereka kutuk jika orang lain melakukannya.

Umno tidak hipokrit dalam membentuk pakatan yang bersifat kekal dalam BN, dan dilakukan tanpa mengorbankan agenda Melayu dan Islam yang berpandukan perlembagaan Malaysia. Umno tidak korbankan prinsip alif, ba dan ta tetapi merealisasikan hakikat sebenar tabii masyarakat Malaysia dan berfikiran ke depan dengan mewujudkan kestabilan politik. Pakatan yang cuba dilakukan oleh Pas boleh dikirakan sebagai berbentuk sementara. Ini menimbulkan soalan bagaimana kerajaan akan ditubuhkan nanti? Oleh itu rancangan Pas mewujudkan pakatan berkenaan dapat dikirakan sebagai tidak realistik. Tambahan pula Pas hanya beroperasi di Semenanjung Malaysia dan tidak di Sabah dan Sarawak.

Banyak lagi soalan-soalan boleh dibangkitkan, misalnya apakah bentuk negara Islam yang hendak diwujudkan oleh Pas. Apakah bentuk dan jenis

sistem serta perjalanan kerajaan yang hendak didirikan? Sedangkan bekalan air di Kelantan tidak diuruskan seperti dinyatakan oleh Dr Mahathir dalam ucapannya. Dalam pada itu jika Pas mendapat kemenangan nanti, jika sekadar mahu melanjutkan bentuk kerajaan yang ada sekarang, jadi apa perbezaannya? Kesannya, Pas bukan alternatif, tapi mahukan kuasa daripada Umno, dasar yang direalisasikan oleh kerajaan dalam bentuk kegiatan ekonomi khususnya. Bagi orang Melayu, Umno adalah untuk mengembalikan maruah Melayu/Bumiputera sebagai bangsa yang pernah dijajah untuk dimartabatkan kembali.

Mempertingkatkan taraf hidup Melayu bukanlah sebagai sesuatu yang berbentuk perkauman YANG MENINDAKKAN HAK-HAK WARGANEGARA YANG BUKAN Melayu dan bukan Islam. Maruah bangsa adalah tanggungjawab Umno seperti ucapan Dr Mahathir berperanan sebagai mengembalikan keyakinan orang Melayu agar tidak tertekan dari segi psikologi. Memulihkan perasaan tertekan di kalangan Melayu, yang dianggap majoriti dalam bilangan penduduk Malaysia adalah pendekatan yang realistik dalam menangani politik berbilang kaum.

Perkara-perkara lain yang dibangkit oleh ucapannya juga adalah mengenai penyingkiran bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim. Sebenarnya inilah kejutan yang dikatakan beliau. Mungkin banyak pihak akan menganggap sebagai satu perkara yang dijangka, tetapi biasanya hal-hal begini dibangkitkan semasa pergolongan perbincangan di penghujung sesi sekiranya ianya dibangkitkan dalam sesi pertanyaan. Tetapi mengapa isu ini disebut dalam ucapan pembukaan? Jarang-jarang beliau laku demikian, jika dibandingkan dengan ucapan-ucapan yang lalu.

Dari satu aspek, mungkin ia adalah jawapan kepada berbagai-bagai tuduhan, sebelum timbulnya konspirasi politik. Kedua sebagai membersihkan tindakan Dr Mahathir, sekiranya beliau dicap sebagai tidak adil. Oleh itu, tindakan menyatakan kedudukan Anwar secara terbuka adalah tindakan berani. Selain itu ia juga mungkin sebagai penjelasan kepada mereka yang masih ragu-ragu mengenainya, sekali gus menjawab tuduhan Pas yang kononnya mahu membela Anwar Ibrahim dan pada masa yang sama cuba meraih populariti sokongan dalam pilihan raya akan datang. Dan yang paling penting isu penyingkiran menjadi isu keselamatan negara, lebih dari isu peribadi yang menyebabkan ia disebut dalam ucapan Perdana.

Akhir sekali ucapan Dr Mahathir menyebut mengenai tugas kerajaan sebagai menjawab pertanyaan parti-parti lawan dan keraguan di kalangan pengundi betapa pentingnya institusi kerajaan dalam mengurus dan mentadbir negara. Malah harus dibezakan antara politik pilihan raya dan selepas pilihan raya. Perkara yang penting dalam mewujudkan kestabilan politik ialah adanya kerajaan kukuh yang boleh mentadbir dan menentukan keadilan kepada masyarakat. Tambahan pula Umno mempunyai rekod terbukti mengepalai BN untuk diberi mandat dan mempunyai ketahanan bagi menghadapi cabaran abad ke-21.

Oleh itu ucapan Dr Mahathir pada keseluruhannya sebagai ingatan kepada ahli-ahli Umno dan semua pihak, politik yang diterajui Umno bersedia untuk menghadapi kemaraan penjajahan baru yang berbentuk kapitalisme. Rentetan sejarah perlu dijadikan iktibar. Kita adalah sebahagian dari produk sejarah, sementara generasi muda sebagai masa depan. Oleh itu jangan prasangka kepada Umno tetapi sebaliknya turut berbangga dengan penubuhan politik Melayu ini. Bayangkan jika kita dijajah semula, dan ini adalah realiti politik semasa yang akan memasuki abad ke-21 pada tahun hadapan. Batu perbatuan politik abad 21 bermula dari sekarang.

(END)